



Original Article

Tinjauan Konsep ‘Umūm al-Balwā dalam Konteks Najis yang Dimaafkan (*al-Najāsah al-Ma’fu ‘Anhā*) dalam Kitab *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* Karangan Jalaluddin al-Suyuti

The Concept ‘Umūm al-Balwā in Pardoned Impurities Context (*al-najāsah al-ma’fu ‘anhā*) in the Book of *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* of Jalaluddin al-Suyuti

Muhamad Afiq Abd Razak^a* & Mohd Anuar Ramli^b

^a Calon Sarjana (Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia)

^b Pensyarah Kanan (Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia)

* Corresponding author, email; afiqrazak89@siswa.um.edu.my

ABSTRACT

‘Umūm al-balwā merupakan sebuah konsep dalam fiqh Islam. Secara umumnya, perbincangan mengenai *‘umūm al-balwā* dilihat lebih tertumpu kepada aspek penyucian (*ṭahārah*) atau lebih khusus dalam perbincangan berkaitan dengan najis yang dimaafkan dalam kebanyakan literatur fiqh Islam. Sungguhpun perbincangan mengenai *‘umūm al-balwā* adalah terhad dalam literatur fiqh Islam (*turāth*), ianya diuraikan secara pembawaan contoh-contoh dan aplikasi berdasarkan sesuatu konteks atau isu fiqh. Antara *turāth* yang membahaskan berkenaan dengan *‘umūm al-balwā* adalah kitab *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* karangan Jalaluddin al-Suyuti. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau serta mengeluarkan konsep *‘umūm al-balwā* dan kriterianya berdasarkan kitab *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* yang menumpukan kepada perbincangan najis yang dimaafkan. Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini dijalankan secara kualitatif, iaitu menggunakan metode analisis teks terhadap buku *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* karangan Jalaluddin al-Suyuti. Berdasarkan dapatan tinjauan ini, adalah didapati bahawa, *‘umūm al-balwā* memiliki lima kriteria yang dapat dikenalpasti menurut Al-Suyuti. Dalam perbincangan najis yang dimaafkan, terdapat 18 bentuk najis atau kes yang diperbahaskan. Selain daripada itu, kriteria-kriteria yang dibawakan oleh Al-Suyuti juga didapati tidak bersifat mandatori terhadap setiap kes *‘umūm al-balwā* dalam konteks najis yang dimaafkan, sebaliknya, terdapat kes-kes najis yang dimaafkan adalah berbalik kepada aspek kesukaran secara umum. Aspek kesyukuran ini juga terbukti sebagai sebab yang dominan serta menjadi asas kepada permasalahan dengan *‘umūm al-balwā* sehingga diterima sebagai sebab kepada keringanan.

Keywords: *Mashaqqah*, rukhsah, kesukaran umum, *ṭahārah*, fiqh, *taysīr*

Pengenalan

'*Umūm al-balwā* merupakan suatu istilah khusus yang diperbahaskan dalam segenap isu fiqh. Ia merupakan sebuah konsep yang mengaitkan di antara kesukaran dengan keringanan. Sungguhpun demikian, perbahasan terhadap kerangka konsep '*umūm al-balwā* itu sendiri dilihat masih mempunyai ruang untuk diperkembangkan dan mencakupi realiti semasa. Jika dilihat dalam berbagai kitab fiqh, adalah didapati asas kepada perbahasan terhadap '*umūm al-balwā* telah wujud dalam literatur fiqh klasik¹. Namun, ianya dilihat lebih tersusun dihuraikan oleh para ulama moden². Ulama moden dilihat terkehadapan dalam memperincikan '*umūm al-balwā* sebagai suatu perbahasan yang khusus dan mendalam sebagai suatu kerangka konsep dalam fiqh. Justeru itu, tinjauan ini dibuat adalah untuk melihat apakah kerangka konsep yang dibawakan oleh ulama silam terhadap konsep '*umūm al-balwā*. Hal ini kerana, dalam kebanyakan literatur moden, hampir sejumlah besarnya menukulkan rujukan kepada kitab *Al-Ashbāh* (Ismail and Masudani 2015). Oleh yang demikian, pastilah terdapat kefahaman yang dapat digali berdasarkan kitab ini, walaupun ianya hanya menghuraikan contoh sahaja, tanpa adanya perbahasan khusus seperti takrif, ciri, kehujahan, dalil dan sebagainya. Maka, artikel ini meletakkan objektif memperhalusi dan menyusun konsep '*umūm al-balwā* berdasarkan sudut pandang najis yang dimaafkan atau disebutkan dalam istilah Arabnya: *al-najāsah al-ma'fu 'anhā*. Justifikasi pemilihan skop ini adalah kerana ia merupakan perbahasan yang paling asas dan paling menyerlah dalam menghuraikan '*umūm al-balwā*. Justeru itu, penggalian terhadap konsep '*umūm al-balwā* berdasarkan perspektif ini akan mengukuhkan kedudukannya dalam fiqh itu sendiri dan menyediakan batu asas kepada kajian selanjutnya dijalankan serta pengaplikasian '*umūm al-balwā* lebih efektif dalam isu-isu fiqh moden.

Definisi '*umūm al-balwā*

'*Umūm al-balwā* merupakan sebuah istilah fiqh dalam bahasa Arab yang terdiri daripada dua perkataan iaitu "'*umūm*" (عموم) dan "*balwā*" (بلوى). Secara bahasa, perkataan '*umūm* merujuk kepada *syumūl* dan *tanāwul* iaitu menyeluruh dan meliputi (Manzur 1990). Perkataan '*umūm* dapat difahami melalui maksud daripada perkataan akarnya, iaitu '*amma* (عم) yang membawa maksud: (i) tinggi, (ii) memanjang dan (iii) berlimpah-ruah. Kesemua definisi ini menggambarkan bahawa perkataan '*umūm* merujuk kepada sifat sesuatu yang menyeluruh dan meliputi terhadap sesuatu. Perkataan kedua adalah *balwā*' iaitu membawa dua maksud; dugaan dan ujian.

Dari sudut istilah fiqh, '*umūm al-balwā* ditakrifkan sebagai (Ibnu Abidin 2003):


-
- ¹ Dalam kebanyakan kitab fiqh, lazimnya '*umūm al-balwā* disebutkan dalam perbahasan najis yang dimaafkan. Antara contohnya adalah al-Mughni al-Muhtaj, Ashbah nazai'r karangan Ibn Nujaym, Hasyiah Ibn 'Abidin, Bughyatul mustarsyidin dan yang seumpamanya.
 - ² Ulama mutaakhirin, antaranya adalah Wahbah al-Zuhayli dalam kitabnya *Nazariyyah Al-Ḍarūrah Al-Syar'iyyah Muqāranah Ma'a Al-Qānūn Al-Waḍ'iy*, Yusuf al-Qaradhawi dalam kitabnya *Mūjibat Taghayyar Al-Fatwa Fi 'Asrinā*, Muhammad al-Dusari dalam karyanya '*Umūm Al-Balwā: Dirāsah Nazariyyah Tatbiqiyyah*, Ya'qub al-Bahusayn dalam kitabnya *Qā'idat Al-Masyaqqah Tajlib Al-Taysīr: Dirasat Nazariyyah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah*, Salih Yusuf dalam *Al-Masyaqqah Tajlib Al-Taysīr*.

الحالة أو الحادثة التي تشمل كثيرا من الناس ويتعذر الاحتراز عنها

Maksudnya: “Perkara atau peristiwa yang menyelubungi sebahagian besar manusia dan sukar bagi menghindarkan diri daripadanya.”

‘*Umūm al-balwā*’ merujuk kepada suatu bentuk musibah atau dugaan yang menyukarkan ke atas manusia untuk membebaskan diri daripadanya atau mengelakkan diri daripadanya. Berdasarkan istilah ini, kata kunci penting yang membina definisi berfungsi terhadap istilah ‘*umūm al-balwā*’ adalah seperti berikut:

- i. تشمل كثيرا (meliputi dalam keadaan yang banyak)
- ii. يتعذر الاحتراز عنها (sukar untuk mengelakkan daripadanya)



Rajah 1: Elemen-elemen ‘*umūm al-balwā*’ (Sumber: Analisis pengkaji)

Berdasarkan perincian ini, dapat difahami dua elemen yang utama membentuk ‘*umūm al-balwā*’ adalah sesuatu keadaan yang meliputi yang berlaku ke atas mukallaf dan ianya merupakan satu kesukaran yang sulit baginya untuk dielakkan, dan jika mukallaf itu mengelaknya, ia akan mengundang kesukaran tambahan yang membebankan (Humayd 1981). Maka, elemen kesukaran³ dan menyeluruh⁴ merupakan ciri yang mudah untuk menggambarkan apa yang dimaksudkan dengan ‘*umūm al-balwā*’.

Kehujahan ‘*umūm al-balwā*’

Sebagai sebuah konsep yang berkait rapat dengan rukhsah, seharusnya ‘*umūm al-balwā*’ memiliki penghujahan yang kuat sehinggakan ianya dianggap sebagai faktor rukhsah yang diiktiraf di sisi syara’ (Abdullah 2005). Apakah penghujahan yang mendirikan ‘*umūm al-balwā*’ sebagai sebab rukhsah? Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, adalah didapati bahawa istilah ‘*umūm al-balwā*’ tidaklah didapati disebutkan secara khusus di dalam Al-Qur’an mahupun al-Sunnah. Walaubagaimanapun, ianya mempunyai isyarat yang jelas berdasarkan dalil-dalil dari kedua-dua sumber ini, dan daripada itu, ‘ulama mengeluarkannya dan meletakkan sebagai satu alasan kepada keringanan yang diterima di sisi syara’.

Kehujahan ‘*umūm al-balwā*’ adalah terletak kepada aspek “kesukaran” itu sendiri. ‘*Umūm al-balwā*’ diiktiraf di atas dasar ianya adalah salah satu bentuk *al-‘usr* dan *al-haraj* yang perlu diangkat kepada *al-yusr* (kemudahan) dan *takhfif* (keringanan) (Al-Suyuti 1997). Dalam al-

³ Kesukaran dalam konteks ini adalah merujuk kepada konsep *mashaqqah* dalam fiqh. Tingkatan *mashaqqah* telah dibahagikan oleh ‘ulama kepada tiga tingkatan iaitu, *mashaqqah* ringan, pertengahan dan berat.

⁴ Elemen menyeluruh di sini boleh dibahagikan kepada dua perspektif, iaitu perspektif seorang mukallaf dan ramai atau semua mukallaf. Dalam perspektif seorang mukallaf, ianya disyaratkan mestilah melibatkan perkara yang umum.

Qur'an, Allah SWT menjelaskan bahawa Islam dibina di atas prinsip *raf' al-haraj* sepertimana firman-Nya:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: "Allah menghendaki ke atas kalian kemudahan, dan tidak menghendaki ke atas kalian kesukaran." (Surah Al-Baqarah, 2:185)

Selanjutnya Allah berfirman:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: "Dan Dia tidak menjadikan ke atas kamu kepayahan dalam agama." (Surah al-Hajj, 22:78)

Kedudukan *'umūm al-balwā* adalah menuruti dalil umum kesukaran yang mana secara prinsip dan kaedahnya, Islam merupakan syariat yang berdiri di atas prinsip *raf'ul haraj* dan kaedah fiqh yang menegaskan bahawa setiap kesukaran akan diangkat dan diberi jalan keluar oleh syara' (kaedah *al-mashaqqah tajlib al-taysir*). Berdasarkan penghujahan ini, para ulama mengiktiraf *'umūm al-balwā* sebagai salah satu sebab yang membawa kepada keringanan.

Konsep najis dalam fiqh Islam

Konsep *al-najāsah* (kenajisan) merupakan suatu konsep yang penting dalam fiqh Islam. Menurut kamus Dewan, najis bermaksud sesuatu yang tidak suci atau sesuatu yang kotor. Dari segi istilah Bahasa Arab, *al-najāsah* bermaksud *al-qazārah* (القذارة); iaitu kekotoran (Al-Fayyumi 1987). Manakala dari sudut istilah pula, *al-najāsah* merujuk kepada sesuatu yang menjadi kekotoran serta menghalang sahnya solat apabila tiada sebarang keringanan.

Islam merupakan agama yang mementingkan kebersihan dan kesucian diri. Istilah yang sangat berkaitan dengan konsep ini adalah *al-ṭahārah* (kesucian), iaitu lawan kepada *al-najāsah*. *Al-ṭahārah* merupakan perbahasan yang mendasar dan cukup penting. Hal ini kerana berada dalam keadaan bersih itu merupakan suatu kewajiban dan tidak akan diterima solat (sebagai ibadah yang paling utama) seseorang melainkan dalam keadaan suci daripada kenajisan.

Dalam al-Qur'an, Allah menegaskan bahawa orang yang bersih dan suci diri adalah golongan yang disukai oleh-Nya, sebagaimana firman Allah berikut:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّوِبِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang bersuci diri" (Surah Al-Baqarah 2:222)

Selanjutnya dalam ayat yang lain, Allah SWT menyebutkan;

فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَّطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

Maksudnya: “Dalamnya (masjid itu) terdapat orang-orang yang ingin membersihkan diri. Dan sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bersih.” (Surah Al-Taubah 9:108)

Dalam al-Sunnah, Rasulullah SAW turut menegaskan bahawa kebersihan adalah suatu perkara yang dituntut. Sabda baginda SAW;

الطَّهْرُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: “Kebersihan adalah sebahagian daripada iman.” (Riwayat Muslim)

Kebersihan merupakan tuntutan bagi ibadah-ibadah yang mensyaratkannya seperti solat, tawaf atau menyentuh mushaf al-Qur’an. Dengan kata lain, ia merupakan langkah pembuka bagi ibadah-ibadah ini. Hal ini juga terpakai dalam aspek pemakanan, di mana Islam menuntut umatnya untuk mencari makanan yang halal lagi baik. Elemen yang menjadi pengharaman untuk dimakan oleh manusia menurut syari’at Islam adalah *al-najis* (najis) dan *al-khabā’ith* (kotoran). Allah SWT telah mengharamkan segala perkara yang buruk dan yang membawa kepada kemudaratan kepada manusia, sebaliknya menghalalkan segala yang bersih dan baik. Prinsip ini dapat dilihat dengan jelas melalui firman Allah SWT:

وَجُلٌّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحْرَمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثُ

Maksudnya: “Dihalalkan kepada mereka segala yang baik dan diharamkan kepada mereka segala yang kotor.” (Surah Al-A’raf 157)

Menurut pandangan mazhab Syafi’i, terdapat tiga pengertian khusus *al-najāsah* yang dikemukakan. Pertama, iaitu setiap cecair yang memabukkan, anjing dan khinzir serta keturunannya, bangkai selain ikan dan belalang, darah, nanah, najis, air kencing, air mazi, air wadi, air mani, anjing dan khinzir, susu haiwan yang tidak boleh dimakan, dan anggota jasad haiwan yang dipisahkan dari yang hidup. Selanjutnya takrif kedua adalah: segala *‘ayn* (kesan) yang haram memakannya. Takrif ketiga, adalah: sebarang benda yang menjadi najis yang menghalang solat di mana tiada sebarang keringanan.

Konsep najis yang dimaafkan di dalam fiqh Islam

Kemaafan atau dalam bahasa Arab, disebut sebagai *al-‘afwu*. Namun, perlu difahami juga, bahawa konsep *al-‘afwu* ini mempunyai lapangan yang besar. Oleh itu, kajian ini akan lebih memfokuskan kepada konsep kemaafan terhadap unsur najis. *Al-‘afwu* dalam bahasa Arab mempunyai pelbagai makna. Antaranya adalah *at-tarku al-shay’* (meninggalkan sesuatu) dan *tarku al-iqāb* (meninggalkan sesuatu akibat pembalasan) (Al-Zaybidiy 1974). Menurut (Al-Zaybidiy 1974) makna asal *al-‘afwu* adalah

القصد لتناول الشيء

Maksudnya: “Niat untuk menikmati sesuatu”

Makna yang bertepatan dengan perbahasan ini adalah (Al-Zaybidiy 1974):

التجافي عن الذنب

Maksudnya: “Dijauhkan daripada dosa”

Menurut pengertian syara’ pula, *al-‘afwu* mempunyai banyak maksud. Antaranya, *al-tawsī‘ah* iaitu keluasan, *al-tashīl* iaitu kemudahan dan meninggalkan *al-‘iqāb* iaitu menjauhi akibat buruk (Abdul Rahim 2012). Oleh itu, apabila kita memahami konteks kemaafan terhadap unsur najis, dapat disimpulkan bahawa ia memberi pengertian bahawa syara’ tidak mengambil kira penggunaan najis sebelum ia disucikan, atau selepas mendapat keringanan dalam keadaan-keadaan tertentu. Ini bermaksud, dalam beberapa keadaan, kemaafan boleh berlaku sebelum elemen *takhfīf* atau keringanan berlaku ataupun sesudahnya. Dengan kata lain, kemaafan dalam konteks najis boleh dicapai tanpa wujudnya elemen *takhfīf*.

Biografi Jalaluddin al-Suyuti (Al-Suyuti 1997)

Jalaluddin al-Suyuti merupakan ulama yang tersohor dalam mazhab Syafie. Nama sebenar beliau adalah ‘Abd Rahman bin Abi Bakr bin Muhammad bin Abi Bakr bin Umar bin Khalil bin Nasr bin al-Khudr Ibn al-Humam al-Jalal al-Suyuti. Beliau dinisbahkan dengan nama al-Khudayri, iaitu disandarkan kepada al-Khudayriyah iaitu nama tempat di Baghdad. Beliau dilahirkan pada bulan Rejab pada tahun 849 Hijrah di Kaherah dan turut dilaqabkan sebagai Ibn al-Kutub, bersempena kemasyhuran ayahnya yang juhud di dalam menuntut ilmu dan mentela’ah buku-buku. Bapanya merupakan ulama’ Al-Azhar al-Syarif. Di antara guru beliau adalah Qadi ‘Izz al-Din Ahmad bin Ibrahim Al-Kanani, al-muhaddith Zayn al-Din Ridhwan al-‘Utaybiy, Syaikh Siraj al-Din ‘Umar al-Wardiy. Ketajaman pemikiran Jalaluddin terserlah kerana beliau menghafaz al-Qur’an, kitab *‘Umdat al-ahkām*, *Minhāj al-Nawāwi*, *Alfiyah Ibn Mālik* dan *Minhāj al-Baiḍāwi*. Beliau turut menguasai pelbagai bidang utama tradisi ilmu Islam iaitu tafsir, hadith, fiqh, *al-nahu*, *al-ma’ani wa al-bayān*, ilmu *al-badī’* dalam kerangka ‘Arab dan tidak dalam kerangka *al-‘ajam* (bukan ‘Arab) dan ahli falsafah. Jalaluddin menghasilkan karya literatur yang banyak antaranya adalah *al-Dār al-manthūr fī tafsīr bi al-ma’t’hūr*, *Hāsyiah ‘alā al-baiḍāwi*, *al-Ma’ani al-Daqīqah fī Idrāk al-Haqīqah*, *Tanwīr al-Hawālik ‘alā Muwwato’ Mālik*, *Itmām al-Nī’mat fī Ikhtiṣās al-Islām bi hazīhi al-Ummah*. Beliau meninggal dunia pada Jumaat, 19 Jamadil awwal tahun 911 Hijrah.

Latarbelakang kitab *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* (Al-Suyuti 1997)

Di dalam muqadimahnyanya, al-Suyuti menjelaskan bahawa tema utamanya adalah berkaitan dengan ilmu fiqh. Penamaan kitab sebagai “*al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*” adalah diinspirasi dari kata-kata saydina ‘Umar terhadap Abu Musa al-Asy’ari yang mana Umar memperingatkan Abu Musa al-Asy’ari agar sentiasa berada di landasan yang betul dalam menentukan sesuatu hukum ke atas sesuatu isu yang timbul serta tiada panduan konkrit dari sumber Al-Qur’an mahupun al-Sunnah dengan menggunakan hikmah akal fikiran, penalaran (*al-ashbāh*) dan persamaan (*al-nazā’ir*) terhadap hukum-hukum yang sedia ada. Maka, melalui pemerhatian ini, dapatlah disimpulkan bahawa nama *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* merupakan suatu bentuk metodologi dalam

menentukan hukum, iaitu hukum yang tidak bersifat *qat'ie*. Kitab *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* mengandungi tujuh bab iaitu:

Jadual 1: Kandungan perbahasan *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* (Sumber: analisis pengkaji)

| Bab | Kandungan perbahasan |
|---------|--|
| Pertama | Perbahasan terhadap lima kaedah utama yang menjadi rujukan utama dalam perbahasan fiqh mazhab al-Syafie. |
| Kedua | Perbahasan mengenai <i>qawā'id kulliyyah</i> yang dikeluarkan melalui kerangka <i>fiqh juz'iyyah</i> dan terdapat 40 kaedah yang dibahaskan. |
| Ketiga | Perbahasan kaedah-kaedah lain yang tidak ditaruhkan dan terdapat sebanyak 20 kaedah. |
| Keempat | Perbahasan mengenai hukum-hukum yang memburukkan seseorang faqih disebabkan oleh kejahilannya. |
| Kelima | Pemerhatian dalam berbagai bab dalam perbahasan fiqh. |
| Keenam | Perbahasan mengenai perbandingan secara ' <i>compare and contrast</i> '. |
| Ketujuh | Perbahasan umum yang tidak spesifik dan menjurus kepada sesuatu tema yang khusus. |

Dalam mencapai objektif kajian ini, perbahasan yang menjadi fokus adalah bab yang pertama iaitu bab yang membincangkan mengenai lima kaedah besar *qawā'id al-fiqhiyyah*. Justeru itu, bab ini didapati mempunyai hubungan yang konkrit terhadap konsep '*umūm al-balwā*' yang menjadi penghubung di antara aspek kesukaran dan aspek keringanan syar'i. Kaedah fiqh yang akan diperbahaskan selanjutnya adalah kaedah *al-mashaqqah tajlib al-taysir*. Kaedah ini akan dihuraikan secara ringkas dan analisis terhadap konsep '*umūm al-balwā*' akan dikemukakan pada perbahasan selanjutnya.

Konsep '*umūm al-balwā*' dalam konteks najis yang dimaafkan dalam *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* karangan Jalaluddin al-Suyuti

Berdasarkan perbahasan kaedah *al-mashaqqah tajlib al-taysir*, Jalaluddin al-Suyuti meletakkan '*umūm al-balwā*' sebagai sebab keenam sebab rukhsah. Beliau telah membahagikan bentuk-bentuk kesukaran dan '*umūm al-balwā*' kepada beberapa bentuk contoh dan salah satunya adalah najis yang dimaafkan. Dalam menjelaskan tentang najis yang dimaafkan, huraian dapat dibahagikan kepada 18 poin seperti mana yang dijadualkan di bawah:

Jadual 2: Jenis-jenis najis yang dimaafkan menurut Jalaluddin al-Suyuti dalam *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*

| No. | Jenis dan istilah najis yang dimaafkan | Transliterasi | Terjemahan |
|-----|--|--|--|
| 1 | دم القروح والدمامل والبراغيث | <i>Damil qurūḥi waddamāmili wa al-barāghīs</i> | Darah (pada) ulser, bengkak bernanah, dan kutu |
| 2 | القبح والصدید | <i>Al-qayḥ wa al-ṣadīd</i> | Nanah, bendalir badan akibat luka pada anggota |
| 3 | قليل دم الأجنبي | <i>Qalīl damil ajnabiy</i> | Darah orang lain yang sedikit (kadarnya) |

| | | | |
|----|---|--|--|
| 4 | طين الشارع | <i>Ṭīn al-syārī'</i> | Debu jalan |
| 5 | أثر نجاسة عسر زواله | <i>Atharu najasātin 'asira zawāluhu</i> | Dan kesan najis yang sukar untuk dihilangkan |
| 6 | ذرق الطيور إذا عم في المساجد والمطاف | <i>Zarqu al-tuyūri izā 'amma fī al-masājidi wa al-maṭāfi</i> | Najis burung yang merata di masjid-masjid dan tempat (permukaan) tawaf |
| 7 | وما يصيب الحب في الدوس من روث البقر وبوله | <i>Wa mā yuṣību al-habba fī al-dawsi min rawthi al-baqari wa baulihi</i> | (Najis) yang mengenai bijirin, iaitu kesan-kesan dari najis lembu dan air kencingnya |
| 8 | لا يدركه الطرف وما لا نفس له سائلة | <i>Lā yudrikuhu wa mā la nafsa lahu sā'ilah</i> | (Najis) yang tidak diketahui tarafnya |
| 9 | ريق النائم | <i>Riq al-n ā'im</i> | Air liur orang yang tidur |
| 10 | فم الرة | <i>Famul hirrah</i> | Mulut kucing |
| 11 | لا يتعد إلى حيوان لا يعم اختلاطه بالناس | <i>Lā yata'adda ilā hayawānin lā ya'ummu ikhtilāṭuhu bi al-nās</i> | Tidak dikira bagi haiwan yang tidak menjadi kelazimannya berada dalam lingkungan manusia |
| 12 | أفواه الصبيان | <i>Afwahuṣibyān</i> | Mulut bayi lelaki |
| 13 | غبار السرجين | <i>Ghubār al-sirijīn</i> | Debu (pembakaran) najis |
| 14 | قليل الدخان أو الشعر النجس ومنفذ الحيوان | <i>Qalīl al-dukhān aw al-syī'r al-najsi wa manfazul hayawān</i> | Asap sedikit atau bulu bernajis, dan termasuklah haiwan |
| 16 | لا يعفى عن منفذ الأدمي | <i>Lā yu'fa 'an manfazil adamiy</i> | Tidak dimaafkan (najis yang berasal dari) manusia |
| 17 | ما نشؤه في الماء والمائع | <i>Mā nasy'uhu fī al-mā' wa al-mā'ī'</i> | Dalam air dan (sebarang) cecair |
| 18 | جوف السمك الصغار | <i>Jaufi al-samaku al-sighāru</i> | Badan (organ) ikan kecil |


(Sumber: analisis pengkaji)

Dalam kitab *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* terdapat 18 poin yang diutarakan oleh al-Suyuti berkenaan dengan najis yang dimaafkan. Berdasarkan kepada jenis-jenis najis yang dimaafkan yang telah dikemukakan, ianya boleh dikelaskan kepada pengkelasan yang lebih mudah untuk difahami bagi mengeluarkan ciri-ciri *'umūm al-balwā* berdasarkan konteks ini. Secara umumnya, al-Suyuti tidak menjelaskan jenis-jenis najis ini dengan terperinci, iaitu tidak dibawakan dalil-dalil khusus sama ada dari Al-Qur'an mahupun al-Sunnah. Adapun demikian, beliau sekadar menyandarkan pandangan dua orang tokoh sahaja iaitu al-Ghazali dan al-Ruyyani, yang mana kedua-duanya merupakan tokoh besar dalam kalangan *Syāfi'iyyah*.

Berdasarkan kepada apa yang dibentangkan oleh al-Suyuti, tiga pembahagian yang dapat dipecahkan ialah sumber najis, iaitu pertama yang datang dari manusia atau *adamiy*, kedua, adalah najis yang datang daripada haiwan atau *haywaniyy*, dan ketiga kotoran luaran. Bagi najis yang *adamiy*, terdapat tiga lagi pecahan yang boleh dikelaskan iaitu, [*pertama*] bendalir badan seperti darah, nanah, ulser, cecair luka; [*kedua*] anggota badan seperti hukum mulut bayi atau anak kecil, dan [*ketiga*] kotoran dari bahan perkumuhan seperti tahi dan air kencing. Bagi kategori najis *haywaniyy*, pembahagian yang dapat dilakukan adalah bersifat luaran iaitu [*pertama*] bendalir badan seperti darah naimuk, serangga, [*kedua*] anggota badan seperti hukum mulut kucing dan [*ketiga*] kotoran perkumuhan seperti tahi dan air kencing. Jenis yang

ketiga adalah kategori kotoran luaran (eksternal) iaitu kenajisan yang dibawa oleh medium luar seperti debu dan asap. Secara ringkasnya, klasifikasi najis yang dimaafkan dapatlah digambarkan seperti mana gambar rajah dibawah (Al-Suyuti 1997):


Rajah 2: Klasifikasi najis yang dimaafkan menurut Jalaluddin al-Suyuti



(Sumber: Analisis pengkaji)

Kesemua jenis-jenis najis ini adalah dimaafkan atas dasar *'umūm al-balwā*. Al-Suyuti meletakkan kriteria-kriteria *'umūm al-balwā* yang mana najis-najis dalam (Rajah 2) adalah dimaafkan. Dengan kata lain, adalah dimaafkan sekiranya ia mengenai pada baju dan sah untuk dibawa dalam solat. Walaubagaimanapun, ia mestilah menepati kriteria-kriteria yang digariskan, sekiranya tidak, maka tidak berlaku *'umūm al-balwā* dan tiada kaedah rukhsah yang dapat diaplikasikan. Melalui contoh-contoh yang dikemukakan, terdapat lima kriteria *'umūm al-balwā* ditemukan secara induktif dalam kitab *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Lima kriteria tersebut adalah (i) sukar dihilangkan, (ii) merata, (iii) tidak diketahui tarafnya, (iv) sedikit, dan (v) kecil (rujuk pada Rajah 3).

Rajah 3: Kriteria *'umūm al-balwā* menurut Jalaluddin al-Suyuti berdasarkan perbincangan najis yang dimaafkan.



(Sumber: Analisis pengkaji)

Sungguhpun demikian, tinjauan mendapati bahawa kriteria ini tidak disebutkan secara menyeluruh dan inklusif terhadap semua jenis najis yang dimaafkan. Bermakna, ianya bukanlah menjadi syarat terhadap semua najis-najis yang terlibat perlu memenuhi kelima-limanya, akan tetapi cukup salah satu elemen daripadanya. Selanjutnya, apa yang boleh diperbahaskan lagi, terdapat juga najis-najis yang dimaafkan disebutkan tanpa disandarkan secara khusus terhadap lima kriteria ini. Berdasarkan pengamatan pengkaji, najis-najis yang dimaafkan yang tidak disandarkan dengan khusus kepada lima kriteria *'umūm al-balwā* adalah kembali kepada aspek kesukaran atau *'usr* yang lebih umum. Maka, dapat diringkaskan bahawa, takrifan *'umūm al-balwā* menurut al-Suyuti dalam konteks najis yang dimaafkan adalah:

"Najis atau kekotoran yang bersifat sedikit, kecil, merata sukar dihilangkan dan tidak diketahui taraf kenajisannya yang melibatkan semua mukallaf atau sebahagian besar daripadanya atau pada seorang mukallaf dalam keadaan yang umum."

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, adalah didapati bahawa *'umūm al-balwā* merupakan sebuah konsep yang telah terbina di dalam fiqh Islam. Selanjutnya, ia dilihat merupakan kaedah yang telah diaplikasikan oleh para 'ulama silam, sungguhpun perbahasan mendalam mengenainya didapati tidak banyak dihuraikan dalam kitab-kitab fiqh klasik. Dalam kitab *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, ternyata, *'umūm al-balwā* merupakan sebuah konsep serta kaedah yang diiktiraf oleh para ulama dan diperakui sebagai salah satu sebab kepada keringanan ke atas mukallaf. Sungguhpun perbahasan mengenai *'umūm al-balwā* dalam karya ini tidak begitu konkrit, namun terdapat lima kriteria serta pengkelasan najis dalam konteks kemaafan syara' yang dapat dikeluarkan. Oleh yang demikian, kajian lanjut rentetan daripada kajian ini adalah perlu untuk dilaksanakan seperti analisis dalil agar subjek *'umūm al-balwā* dapat lebih kukuh dan kuat untuk diaplikasikan khususnya dalam isu-isu fiqh semasa.

Rujukan

- Abdul Rahim, Bin Ibrahim Bin Abdul Rahman. 2012. *Al-Jāmi' li bayān al-najāsāt wa ahkāmihā*. Saudi Arabia: Dar Ibnu al-Jawzi.
- Abdullah, Atikullah Hj. 2005. "'Umum al-Balwa: Konsep, Kedudukan dan Pemakaiannya dalam Penentuan Hukum dalam Fiqh Muamalat." *Jurnal Syariah* 93-112.
- Al-Fayyumi, Ahmad Bin Muhammad Ali. 1987. *Al-Miṣbāh Al-Munīr*. Lubnan : Maktabah Lubnan.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abdul Rahman. 1997. *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū' al-Fiqh al-Syāfi'i*. Riyadh: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- Al-Zaybidiy, Muhammad Murtada al-Husayni. 1974. *Tāj al-'Urūs min Jawāhir al-Qāmūs*. Kuwayt: Matba'ah al-Hukumah al-Kuwayt.
- Humayd, Salih Bin 'Abdullah. 1981. *Raf' al-Haraj fī al-Syarī'ah al-Islamiyyah*. Saudi Arabia: University of Umm al-Qura.

Ibnu Abidin, Muhammad Amin Syahir. 2003. *Radd Al-Muhtār 'alā al-Dār Al-Muhktār Syarh Tanwīr Al-Abşār*. Riyadh: Dar 'Alim Al-Kitab.

Ismail, Abdul Manan, and Murad Masudani. 2015. "The Reasons of Implementing 'Umum al-Balwa and Its Considered Condition As A Reason of Mitigation." *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*.

Manzur, Ibn. 1990. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.